

TAULIAH MENGAJAR INKLUSIF MESRA PENDAKWAH MUSLIM DI MALAYSIA

INCLUSIVE MUSLIM PREACHERS-FRIENDLY TEACHING ACCREDITATION IN MALAYSIA

Norazmi Anas^{1*}
Nurul Badriyah Ali²
S Salahudin Suyurno³
Mohd Erfino Johari⁴
Rashidi Abbas⁵
Mahasin Saja@Mearaj²

¹Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Perak, Kampus Tapah, Perak, Malaysia,
(E-mail: norazmianas@uitm.edu.my)

²Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Johor, Kampus Segamat, Johor, Malaysia,
(Email: nurulbadriyah@uitm.edu.my; mahas220@uitm.edu.my)

³Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Shah Alam, Selangor, Malaysia,
(E-mail: ssalahud@uitm.edu.my)

⁴Pusat Islam, Umum dan Bahasa (CIGLS), Universiti Poly-Tech Malaysia, Kuala Lumpur, Malaysia,
(E-mail: erfino@uptm.edu.my)

*corresponding author

Article history

Received date : 22-7-2024
Revised date : 23-7-2024
Accepted date : 15-8-2024
Published date : 30-8-2024

To cite this document:

Anas, N., Ali, N. B., Suyurno, S. S., Johari, M. E.,
Abbas, R., & Saja@Mearaj, M. (2024). Tauliah
mengajar inklusif mesra pendakwah muslim di
Malaysia. *Journal of Islamic, Social, Economics and
Development (JISED)*, 9 (65), 52 – 59.

Abstrak: Kekurangan temuduga menjadi punca utama polemik tauliah mengajar agama berlarutan sehingga kini di negara kita di samping tempoh menunggu panggilan temuduga yang panjang serta tempoh permohonan yang singkat. Ia melambatkan proses dakwah Islam berbanding permit penganjuran pesta dan aktiviti sosial lain yang lebih mudah dan terbuka sepanjang tahun. Situasi ini mengundang proses tauliah mengajar tidak mesra pendakwah walaupun kategorinya hampir sama di semua negeri dalam Malaysia. Oleh yang demikian, penulisan kertas kerja ini bertujuan untuk mendedahkan konsep, isu dan cabaran tauliah mengajar dalam dakwah kontemporari di Malaysia, keperluan ijtihad waqi'i ke arah pemantapan dakwah era madani serta polisi yang menyokong cadangan tauliah mengajar inklusif mesra pendakwah di negara kita. Pemberian tauliah mengajar dilihat mampu menghalang sebarang aktiviti ajaran sesat dan penyebaran hadis palsu/daif melalui penyediaan pembelajaran formal yang melibatkan badan-badan berautoriti sahaja dalam menyampaikan ilmu terutamanya aktiviti anjuran masjid. Walaupun begitu, proses memohon tauliah mengajar adalah dalam bidang pentadbiran agama Islam bagi setiap Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) melalui prosedur dan kelayakan berbeza. Dato' Seri Dr. Zulkifli Al-Bakri telah mencadangkan ujian permohonan tauliah mengajar diselaraskan di seluruh negara dengan titah perkenan Sultan Selangor selaku Pengerusi Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) dan raja-raja di peringkat negeri. Metodologi kajian kepustakaan

menggunakan analisis kandungan terhadap sumber sekunder seperti artikel jurnal, buku, artikel surat khabar, laman sesawang dan sebagainya. Maka, dicadangkan satu model tauliah mengajar inklusif mesra pendakwah sebagai salah satu solusi polemik tauliah mengajar yang sedang melanda negara sekarang serta penambahbaikan dari segi prosedur yang lebih harmoni dan bersepadu. Ia selari dengan Dasar Malaysia Madani dan Pelan Al-Falah 2023-2027 melalui Teras Kemuliaan Syariah (Fokus 6: Penghayatan Nilai Masyarakat Madani) dan Teras Kehormatan Institusi Islam (Fokus 9: Keunggulan Pendidikan Islam & Dakwah Berhikmah) bagi mewujudkan masyarakat rahmah yang maju dari aspek pemikiran, kerohanian dan kebendaan hasil semaian nilai-nilai Islam.

Kata kunci: Tauliah Mengajar, Inklusif, Mesra Pendakwah, Malaysia

Abstract: *The frequency of interviews is the main cause of the religious teaching credential polemic that has lasted until now in our country in addition to the long waiting period for interview calls and the short application period. It slows down the process of Islamic preaching compared to permits for the organization of parties and other social activities that are easier and open throughout the year. This situation invites the teaching credentialing process to be unfriendly to preachers even though the category is almost the same in all states in Malaysia. Therefore, the writing of this paper aims to reveal the concept, issues and challenges of teaching credentials in contemporary da'wah in Malaysia, the need for waqi'i ijtihad towards the strengthening of civil era da'wah as well as policies that support the proposal of inclusive preacher-friendly teaching credentials in our country. The granting of teaching credentials is seen to be able to prevent any activities of heresy and the spread of false/weak hadiths through the provision of formal learning that involves only authoritative bodies in imparting knowledge, especially activities organized by mosques. Even so, the process of applying for a teaching certificate is in the field of Islamic religious administration for each State Islamic Religious Council (MAIN) through different procedures and qualifications. Dato' Seri Dr. Zulkifli Al-Bakri has proposed that the teaching credential application test be coordinated across the country with the approval of the Sultan of Selangor as Chairman of the Malaysian National Council for Islamic Religious Affairs (MKI) and the rulers at the state level. The literature research methodology uses content analysis of secondary sources such as journal articles, books, newspaper articles, websites and so on. Therefore, a preacher-friendly inclusive teaching credential model is proposed as one of the solutions to the teaching credential polemic that is currently plaguing the country as well as improvements in terms of more harmonious and integrated procedures. It is in line with the Madani Malaysia Policy and the Al-Falah Plan 2023-2027 through the Shariah Dignity Core (Focus 6: Appreciation of the Values of Civil Society) and the Respect Core of Islamic Institutions (Focus 9: Excellence in Islamic Education & Wise Preaching) to create a prosperous society from aspects of thought, spirituality and materiality are the result of Islamic values.*

Keywords: Inclusive, Muslim Preacher-Friendly, Teaching Accreditation, Malaysia

Pengenalan

Polemik tauliah mengajar agama Islam di negara kita terus hangat pada masa ini bukan sahaja melibatkan penceramah dan agamawan biasa malahan pendakwah selebriti yang terkenal seperti Ustaz Azhar Idrus, Ustaz Wadi Anuar, Ustaz Abdullah Khairi, Pencetus Ummah (PU) Azman dan sebagainya. Isu ini timbul berikutan pembatalan siri ceramah mereka kerana tiada tauliah mengajar atau tauliah mengajar mereka ditarik balik oleh Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) seperti yang dilaporkan oleh Md Zin (2023) dan Wan Mansor (2023) melibatkan Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), Jabatan Agama Islam Negeri Perlis (JAIPs) dan Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS). Menurut Ibrahim dan Samudin (2022), terdapat tiga (3) elemen kesalahan yang perlu dipenuhi bagi membolehkan penguatkuasaan terhadap golongan yang mengajar agama tanpa tauliah mengikut peruntukan undang-undang iaitu (i) Kegagalan mengemukakan tauliah mengajar agama yang sah dari Majlis Agama Islam Negeri melainkan terdapat pengecualian daripada mendapatkan tauliah, (ii) Pengajaran tersebut mestilah dilakukan di tempat awam dan (iii) Pengajaran yang disampaikan kepada orang awam tersebut perlu berkaitan dengan perkara agama dengan pembuktian. Selain itu, penarikan semula tauliah mengajar agama dikuatkuasakan jika seseorang itu didapati menyampaikan sesuatu yang menyimpang daripada pemahaman agama yang sebenar atau sesuatu pandangan yang boleh menimbulkan kekeliruan oleh masyarakat awam yang akhirnya membawa kepada perpecahan dan perbalahan (Nasri & Noor, 2020). Firman Allah SWT yang bermaksud: “Dan janganlah kamu mengikuti sesuatu yang tidak kamu ketahui” (Al-Isra’, 17: 36). Kalam Ilahi ini jelas menunjukkan kepentingan kelayakan dalam mengajar khususnya ajaran Islam bagi mengelakkan penyelewengan dan kesesatan yang nyata dalam pembudayaan serta praktis ilmu pengetahuan dalam masyarakat Islam sejagat.

Menurut Mohd Ali (2023), kekerapan sesi temuduga menjadi punca utama isu ini berlarutan sehingga kini di samping tempoh menunggu panggilan temuduga yang panjang serta tempoh permohonan yang singkat. Situasi ini menampakkan kesulitan dan melambatkan proses dakwah Islamiah berbanding permit penganjuran pesta dan aktiviti sosial lain yang lebih mudah dan tiada tarikh tutupnya. Situasi ini menyebabkan tauliah mengajar tidak mesra pendakwah walaupun kategori tauliah mengajar agama di kebanyakan negeri adalah hampir sama iaitu tauliah mengajar al-Quran, tauliah mengajar Fardu Ain, tauliah berceramah dan tauliah khas seperti motivasi, pengurusan jenazah, haji dan umrah. Walaupun diketahui umum bahawa peraturan berkaitan pentauliah mengajar agama tidak sama dan tertakluk kepada bidang kuasa serta perundangan negeri masing-masing (Dimon et al., 2022), diyakini bahawa ia dapat disepadukan secara inklusif dan holistik seterusnya mesra pendakwah. Mantan menteri agama Malaysia dan juga mantan mufti Wilayah Persekutuan iaitu Dato' Seri Dr. Zulkifli Al-Bakri telah mencadangkan ujian permohonan tauliah mengajar diselaras di seluruh negara dengan titah perkenan Sultan Selangor selaku Pengerusi Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) dan raja-raja di peringkat negeri. Maka, dicadangkan satu model tauliah mengajar inklusif mesra pendakwah di Malaysia sebagai salah satu solusi polemik tauliah mengajar yang sedang melanda negara sekarang yang menfokuskan penyelesaian isu kekerapan mengambil tauliah mengikut MAIN serta penambahbaikan dari segi prosedur yang lebih harmoni dan bersepadu.

Tauliah Mengajar: Konsep, Isu & Cabaran Dakwah Kontemporari di Malaysia

Ketika Rasulullah SAW menghantar Saidina Muaz bin Jabal R.A ke negara Yaman, Baginda terlebih dahulu bertanya beberapa soalan kepada Muaz berdasarkan sabdanya yang bermaksud: ““Dengan apakah kamu akan berhukum? Maka Muaz menjawab: ‘Aku akan berhukum dengan apa yang terdapat di dalam Kitabullah’. Baginda bersabda: ‘Sekiranya ia

tidak terdapat di dalam Kitabullah?’ Maka jawab Muaz: ‘Aku akan berhukum dengan Sunnah Rasulullah SAW.’ Baginda bertanya lagi: ‘Sekiranya tidak terdapat di dalam Sunnah Rasulullah SAW?’ Jawab Muaz: ‘Aku akan berjihad dengan pendapatku.’ Maka Rasulullah SAW bersabda: ‘Segala puji bagi Allah yang telah memberikan taufik kepada utusan Rasulullah SAW.’ (Riwayat al-Tirmizi, no. hadis 1327). Kisah dalam hadis ini jelas menunjukkan bahawa kelayakan dalam menyampaikan dakwah sangat penting dalam ajaran Islam bagi mengelakkan umat Islam berada dalam kesesatan yang nyata khususnya di akhir zaman yang penuh dengan fitnah. Maka, permohonan tauliah perlu melalui beberapa proses tapisan untuk melihat kelayakan, kemahiran, kemampuan dan penguasaan ilmu seseorang demi memartabatkan dakwah Islam yang sebenar.

Tauliah merujuk kebenaran atau lantikan yang diberikan kepada individu untuk menjalankan tugas yang berkaitan dengan agama seperti menjadi imam, membaca khutbah, mengajar, memberi ceramah ataupun sebarang aktiviti melibatkan penyebaran agama Islam kepada orang ramai berdasarkan undang-undang pentadbiran agama bagi setiap negeri (Abdullah et al., 2022). Pihak berkuasa agama negeri ataupun dikenali sebagai Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) mempunyai tanggungjawab penuh dalam memelihara kemaslahatan umat Islam di negeri masing-masing daripada aspek akidah dan syariah (Soroni et al., 2022). Oleh itu, pemberian tauliah ini dilaksanakan oleh jawatankuasa yang berautoriti dan berkelayakan dalam mengiktiraf tahap kefahaman, kewibawaan dan kepakaran agamawan untuk menyampaikan ilmu kepada masyarakat awam (Dimon, et. al., 2022). MAIN berusaha mengawal selia pengajar agama sedia ada di negeri masing-masing melalui pemberian tauliah dan pengemaskinian tauliah tersebut dari semasa ke semasa. Ia bertujuan mengelakkan penularan fahaman menyeleweng dan ekstrem dalam masyarakat melalui pemantauan aktiviti-aktiviti yang tidak selari dengan prosedur dakwah giat dijalankan oleh MAIN (Yazid et. al., 2020).

Pemberian tauliah ini dilihat mampu menghalang sebarang aktiviti ajaran sesat dan penyebaran hadis palsu/daif (Shahrulail et al., 2022; Shahrulail et al., 2023) melalui penyediaan pembelajaran formal yang melibatkan badan-badan berautoriti sahaja dalam menyampaikan ilmu terutamanya aktiviti anjuran masjid (Junoh et al., 2022). Proses memohon tauliah adalah dalam bidang pentadbiran agama Islam bagi setiap Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) melalui prosedur dan kelayakan berbeza yang disyaratkan oleh MAIN. Terdapat MAIN yang tidak menetapkan tahap pendidikan formal kepada pemohon tetapi sesetengah lain mensyaratkan pemohon memiliki kelayakan pendidikan formal sebagaimana Majlis Agama Wilayah Persekutuan (MAIWP) yang mensyaratkan pemohon mesti memegang suatu kelayakan pengajian tinggi Islam daripada universiti tempatan atau luar negeri yang diiktiraf oleh kerajaan Malaysia (Dimon, et. al., 2022). Situasi ini menjadi kekangan dan cabaran kepada pendakwah khususnya bagi mereka yang mempunyai kelayakan rasmi dalam pengajaran ilmu agama dari satu negeri untuk memberikan ceramah di negeri lain. Walaupun begitu, isu tauliah ini tidak boleh diabaikan demi mengelakkan timbulnya isu yang menyebabkan perpecahan dalam masyarakat umum. Kategori tauliah juga berbeza mengikut negeri, contohnya di Selangor membahagikan kategori kepada tauliah mengajar agama, fardu ain, al-Quran dan tauliah khas (Yazid, et. al., 2020), manakala Negeri Sembilan yang membahagikan tauliah mengikut kepakaran pengajar seperti al-Quran, Tafsir, Hadis, Akhlak, Fiqh, Tauhid, Tasawuf dan Asas Fardhu Ain. Tambahan pula, tempoh sah laku tauliah juga bergantung kepada ketetapan negeri seperti Selangor (5 tahun), Wilayah Persekutuan dan Negeri Sembilan (3 tahun) dan Pahang (2 tahun) seperti yang dinyatakan oleh Dimon et al. (2022). Hal ini dilihat menjadi cabaran kepada para pendakwah untuk memohon tauliah di negeri berlainan, khususnya mereka yang sentiasa dijemput ke program anjuran negeri-negeri.

Selain itu, tauliah juga turut menjadi urusan berkaitan kuasa Sultan dalam mengawalselia urusan agama di negeri masing-masing. Bagi negeri yang mempunyai Raja ataupun Sultan, kedudukan Raja adalah sebagai ketua agama Islam manakala bagi negeri yang tidak mempunyai Raja, ketua agama ialah Yang Dipertuan Agong. MAIN berperanan membantu dan menasihat Sultan dalam urusan agama di negeri masing-masing sepertimana yang tertakluk dalam setiap pentadbiran negeri (Husain et al., 2017). Tambahan pula, MAIN termasuk dalam tiga prinsip utama kedaulatan Islam di Malaysia iaitu disebut sebagai Pihak Berkuasa Agama Islam yang secara langsung di bawah naungan Sultan atau Raja (Disa et. al., 2019). Oleh itu, urusan penyebaran agama Islam, dakwah dan pemberian tauliah merupakan urusan di bawah MAIN yang mempunyai dasar-dasar tertentu berkaitan dengan pentadbiran agama negeri masing-masing, yang dinaungi oleh Raja ataupun Sultan bagi negeri tersebut. Selain MAIN, terdapat institusi agama yang menyelaras pengurusan berkaitan agama Islam antara negeri-negeri di peringkat Persekutuan, iaitu Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Islam (MKI) yang berperanan memberi nasihat kepada Raja-raja, Kerajaan Negeri atau Majlis Ugama Islam Negeri atas sebarang perkara berkenaan dengan perundangan atau pentadbiran Islam, dengan tujuan hendak memperbaiki, menyamakan atau menggalak persamaan undang-undang atau pentadbiran. Dengan adanya institusi seperti JAKIM dan MKI ini, sebarang pengurusan dan pentadbiran di peringkat Persekutuan akan menjadi lebih efisien dan memberi imej yang baik bagi Malaysia dalam menguruskan hal ehwal agama dengan baik (Yaacob, 2021).

Ijtihad Waqi'i Ke Arah Pemantapan Dakwah Era Madani


Ijtihad merupakan usaha mengeluarkan hukum-hukum yang belum dijelaskan sepenuhnya dalam al-Quran ataupun hadis. Ijtihad dalam konteks dakwah adalah proses menyelesaikan isu yang timbul berkaitan dengan perkembangan masyarakat Islam dan perubahan sosial mereka. Maka, ijtihad waqi'i membawa definisi usaha yang sungguh-sungguh untuk menyediakan solusi terhadap permasalahan umat bersandarkan kaedah khusus ijtihad yang ditetapkan oleh ulama bersumberkan dalil naqli iaitu al-Quran dan Hadis serta dalil aqli iaitu sumber pandangan dan rasional (Syukur, 2015). Selain itu, ia bukan sahaja pemahaman yang jitu berkenaan dengan realiti masyarakat, keadaan semasa dan perubahan zaman yang diambil kira, malah kepakaran dalam memahami nas-nas al-Quran, hadis dan sumber-sumber Islam yang lain juga dititikberatkan supaya solusi yang diberikan kepada setiap isu adalah tepat untuk masyarakat ketika itu (Azhar, 2021). Ijtihad waqi'i juga mempunyai hubungan yang rapat dengan maqasid syariah kerana tujuan aplikasinya adalah demi menjaga kemaslahatan manusia. Selain itu, kefahaman objektif pensyariaan agama yang wujud dalam konteks maqasid syariah itu adalah bergantung kepada realiti semasa yang berlaku.

Menurut al-Syatibi, seseorang tidak mampu berijtihad dalam keadaan semasa selagimana tidak memahami maqasid syariah (Mustapha et al., 2019). Asas kefahaman ini sangat penting kerana pensyariaan agama bukan sahaja terdiri daripada komponen yang boleh berubah (*al-mutaghayyirat*), bahkan terdapat juga komponen yang kekal atau tetap sifatnya sehingga hari Kiamat (*al-thawabit*) seperti rukun, asas dan prinsip Islam (Rusli, 2019). Kefahaman mengenai komponen ini menjadikan ijtihad waqi'i itu selari dengan kehendak syariah. Perubahan pelaksanaan dan pendekatan agama adalah selari dengan perubahan adat yang memerlukan pemahaman dan kajian mendalam tentang realiti semasa untuk dipertimbangkan dalam berijtihad (Man, 2022). Dalam konteks dakwah semasa melibatkan isu tauliah mengajar, terdapat keperluan ijtihad waqi'i bagi mencari solusi serta pendekatan sesuai dan relevan pada

masa kini demi pemeraksanaan dakwah di negara kita selari dengan Dasar Malaysia Madani melalui Pelan Transformasi Al-Falah.

Pelan Transformasi Al-Falah 2023-2027: Sokongan Dasar Malaysia Madani

Cadangan tauliah mengajar inklusif mesra pendakwah di Malaysia selari dengan Pelan Al-Falah 2023-2027 melalui Teras Kemuliaan Syariah (Fokus 6: Penghayatan Nilai Masyarakat Madani) dan Teras Kehormatan Institusi Islam (Fokus 9: Keunggulan Pendidikan Islam dan Dakwah Berhikmah). Ia mampu merealisasikan Dasar Malaysia Madani dengan berkesan melalui dakwah kontemporari inklusif sesuai dengan realiti semasa negara Malaysia kini. Kerajaan perpaduan telah memperkenalkan Dasar Malaysia Madani di bawah pemerintahan YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim (Perdana Menteri ke-10) Malaysia dengan enam (6) rukun utama iaitu (i) M-keMampanan, (ii) A-kesejAteraan (iii) D-Daya cipta, (iv) A-hormAt, (v) N-keyakiNan dan (vi) I-Ihsan. Kesemua rukun MADANI bertepatan dengan mewujudkan masyarakat Islam mampan dan sejahtera melalui daya cipta model baharu bagi menghadirkan rasa hormat semasa manusia tanpa mengira agama dan kaum tertentu serta melahirkan masyarakat madani yang berkeyakinan tinggi yang sentiasa bersifat ihsan.



Rajah 1: Pelan Transformasi Al-Falah Sokongan Malaysia Madani

Sumber: Ebook Pelan Transformasi Al-Falah (2023)

Kesimpulan

Isu dan polemik tauliah mengajar agama yang berpanjangan telah merencatkan kelancaran aktiviti dakwah di negara kita. Tambahan pula, kekerapan permohonan tauliah mengajar mengikut negeri telah menyebabkan situasi mengajar agama tanpa tauliah berlaku serta menjejaskan imej pendakwah. Maka, cadangan pembangunan model tauliah mengajar inklusif mesra pendakwah ini merupakan satu solusi awal terhadap isu dan polemik tersebut. Walau bagaimanapun, ia perlu mengikut garis panduan dan enakmen agama Islam negeri masing-

masing berikutan kuasa agama Islam tertakluk kepada negeri masing-masing. Oleh yang demikian, usaha ini diharap mampu mengharmonikan SOP tauliah mengajar sedia ada demi pemerkasaan dakwah di negara kita dari semasa ke semasa.

Rujukan

- Abdullah, M. A., Subri, I. M., Ibrahim, M. L., & Ghani, M. A. A. (2022). Malaysia sebagai Negara yang Bermazhab: Satu Diskusi Awal. *RABBANICA-Journal of Revealed Knowledge*, 3(1), 161-184.
- Azhar, I. S. (2021). FIKIH WAQI'. *Tazkiya: Jurnal Pendidikan Islam*, 10(1), 100-112.
- Dimon, Z., Bakar, S. A., & Abd Majid, M. (2022). Pentauliah Pengajaran Agama Di Masjid Dan Surau: Tinjauan Ringkas Undang-Undang Islam di Malaysia. *International Journal of Mosque, Zakat and Waqaf Management (Al-Mimbar)*, 11-26.
- Disa, M. N., Hamid, N. A., Salleh, K. (2019). Kedaulatan Majlis Agama Islam Negeri Sebagai Pihak Berkuasa Agama Islam Di Bawah Naungan Raja-Raja Melayu. In *International Conference on Law and Globalisation 2019 (ICLG 2019)*, 28-29 July 2019, UniSZA.
- Husain, W. A. F. W., Ngah, A. C., & Din, M. A. O. (2017). Islam agama bagi persekutuan: Satu kajian sejarah perundangan. *Akademika*, 87(3), 177-193.
- Ibrahim, N., & Samudin, S. A. (2022). Cabaran Penguatkuasaan Undang-Undang Bagi Kesalahan Jenayah Syariah Mengajar Agama Tanpa Tauliah Di Alam Siber: Kajian Di Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan. *Journal of Shariah Law Research*, 7(2), 241-272.
- Junoh, N., Noor Zainan, N. I., Ismail, M. K. A., Mat Jusoh, N. A., Yusuf, N., Nik Din, N. M., & Mohd Firdaus Kozako, I. N. A. (2022). Analysis of work practices in organizations based on islamic doctrinal standards reaches the way forward. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development*, 7(43), 13-28.
- Man, S. (2022). *Fiqh Semasa: Konsep dan Aplikasinya*. Jabatan Agama Islam Negeri Selangor.
- Md Zin, R. (2023, Februari 24). *Ceramah Ustaz Azhar Idrus di Selangor diarah batal*. Diambil dari <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/02/1068540/ceramah-ustaz-azhar-idrus-di-selangor-diarah-batal>
- Mohd Ali, M. Z. (2023, Mei 23). *Tauliah Agama Wajar Diperkasa dengan Strategi*. Diambil dari <https://www.usim.edu.my/news/in-our-words/tauliah-agama-wajar-diperkasa-dengan-strategi/>
- Mustapha, A., Ali, E. M. T. E., & Saadan, M. K. K. (2019). Kepentingan Maqasid Shari'ah Dalam Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia. *Journal of Muwafaqat*, 2(1), 132-150.
- Nasri, M. S., & Noor, R. M. (2020). Keterangan Pendapat Pakar Sebagai Kaedah Pembuktian dalam Kesalahan Jenayah Syariah di Alam Siber. *Journal of Law and Governance*, 3(1), 84-95.
- Rusli, M. F. (2019). *Irsyad Usul Al-Feqh Siri Ke- 31: Hukum Berubah Mengikut Perubahan Masa Dan Tempat*. Diambil dari <https://www.muftiwp.gov.my/ms/artikel/irsyad-usul-fiqh/3003-irsyad-usul-al-feqh-siri-ke-31-hukum-berubah-mengikut-perubahan-masa-dan-tempat>
- Shahrulail, M. A., Sudi, S., & Soroni, M. K. (2022). Penyampaian Status Hadis Dhaif Dalam Kalangan Guru Tauliah Di Negeri Melaka: Satu Tinjauan Awal. *Jurnal 'Ulwan*, 7(2), 117-129.
- Shahrulail, M. A., Soroni, M. K., & Sudi, S. (2023). Persepsi Guru Tauliah Terhadap Penilaian Status Hadis Da 'If: Satu Kajian Di Negeri Melaka. *Al-Turath Journal of Al-Quran and Al-Sunnah*, 8(1), 73-85.

- Soroni, M. K. (2022). *Tauliah agama bukan isu remeh*. Diambil dari <https://www.hmetro.com.my/addin/2022/06/851043/tauliah-agama-bukan-isu-remeh>
- Syukur, A. (2015). Pemberdayaan Ijtihad Waqi'i Bagi Da'i Dalam Masyarakat Islam. *Ijtima'iyya: Jurnal Pengembangan Masyarakat Islam*, 8(1), 52-66.
- Wan Mansor, W. M. N. H. (2023, April 1). *Ustaz Wadi perjelas isu mengajar tanpa tauliah di Perlis*. Diambil dari <https://www.sinarharian.com.my/article/252465/edisi/utara/ustaz-wadi-perjelas-isu-mengajar-tanpa-tauliah-di-perlis>
- Yaacob, A. M. (2021). Perkembangan Majlis Agama Islam Di Malaysia. *Jurnal Al-Sirat*, 1(16), 25-36.
- Yazid, N. S. M., Shuhari, M. H., & Wahid, N. A. (2020). Peranan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dalam Menangani Isu Ekstremisme di Selangor. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*, 21(1), 214.
- Ebook Pelan Transformasi Al-Falah. (2023). Diambil dari https://www.islam.gov.my/images/documents/Ebook_Pelan_Tansformasi_Al-Falah/Ebook_Pelan_Tansformasi_Al-Falah.pdf

General Search

Article

eg: 'bibliometric study', bibliometric study, or biblio*

Author

eg: Lee, T. Y. or Lee*

Journal

eg: library or journal of library science

Affiliation

eg: malaya or university of malaya

ISSN

eg: 1394-6234

Journal(s): 1 | Page: 1 of 1 | Display results per page | Sort by:

	Journal	ISSN	Publications	Citations	H-index
☐	Journal of Islamic, Social, Economics and Development	–	107	0	0

1

Statistics

Total articles: 130958**Total journals:** 383

Downloads

- [Performance of Malaysian Journals in MyCite](#)
- [List of Journals indexed in MyCite](#)
 - [Arts, Humanities & Social Science](#)
 - [Engineering & Technology, Medical & Health Sciences And Science](#)
- [Malaysian Journal Master List](#)
- [Malaysian Journals indexed in WoS & Scopus](#)
- [Malaysian Journal Report](#)

Asian Citation Indexes

- [Chinese Social Science Citation Index \(CSSCI\)](#)
- [CiNii \(Citation Information from the National Institute of Informatics\)](#)
- [Indian Citation Index \(ICI\)](#)
- [Korea Citation Index \(KCI\)](#)
- [Thai-Journal Citation Index Centre \(TCI\)](#)
- [TSSCI Taiwan Citation Index](#)